



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

PONDOK RITUAL TAMUI DALAM MASYARAKAT IBAN DI KAMPUNG LUMUT,

SEBANGAN

ELLA ANAK EDDY

Bachelor of Applied Arts with Honours

(Art Management)

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

☒

Masters

☐

PhD

☐

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2014.

Student's Declaration:

I -----ELLA ANAK EDDY (30064)..(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled -----PENGURUSAN TAMUI DALAM MASYARAKAT IBAN DI KAMPUNG LUMUT, SEBANGAN----- is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I ----- (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled ----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of ----- BACHELOR OF APPLIED WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____ Date: _____
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- ☐ **CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- ☐ **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- ☒ **OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(2014)

Supervisor signature: _____
(2014)

Current Address:

69, Chungnion Villa, Jln Stapok, Batu Kawa, 93250 Kuching , Sarawak.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai “pondok ritual tamui dalam masyarakat Iban di Kampung Lumut, Sebangau”. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk mengkaji konsep dan aturcara yang terdapat di dalam menjalankan upacara di tamui. Perkara seterusnya yang ingin dikaji ialah mengenai cara pengurusan yang digunakan dalam mengendalikan majlis yang akan berlangsung di tamui. Pengurusan yang dimaksudkan terbahagi kepada beberapa jenis seperti pembahagian tugas, sistem ganjaran dan upah, hukuman dan sebagainya. Selain daripada itu juga pengendalian upacara di tamui turut menggunakan pelbagai medium seperti perancangan, komunikasi, ketua (ketua kampung) dan sebagainya. Tambahan pula, kajian ini turut dijalankan untuk mengenalpasti kerelevanan upacara ritual dalam budaya masyarakat Iban masa kini. Lokasi kajian pula terletak di kawasan Kampung Lumut, Sebangau. Lokasi ini dipilih kerana objek kajian terdapat di dalam kawasan kampung tersebut. Selain daripada itu, pakar mengenai upacara dan objek kajian merupakan penduduk di kampung tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dapatan kajian adalah mengenai pengurusan di tamui. Selain daripada itu, memang terdapat pengurusan yang berkaitan dengan objektif dalam sistem pengurusan yang diaplikasi semasa menguruskan tamui.

Abstrac

This review is about the “ritual hut tamui in Iban society at Kampung Lumut, Sebangau”. The purpose of this study is to identify the concepts and programs that are available in the tamui rituals. The next thing that needs to be studied is the way, which are used in conducting the ceremony that will be held at tamui. Management intended divided into several types such as segregation of duties, remuneration and reward system, penalties and so on. In addition, the operation ceremony in tamui also use a variety of mediums such as planning, communication, leaders (village heads) and so on. Furthermore, this study was conducted to determine the relevance of tamui rituals in the Iban culture. The location that used to be researched were located at Kampung Lumut, Sebangau. This location was chosen as the object of study is located at that village. This research was conducted using qualitative methods. The result is about managing the tamui. Other than that, there is certainly related management objectives is management system that was applied in the tamui management.

Penghargaan

Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Anna Durin. Segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau telah memberikan semangat kepada saya untuk menghasilkan tesis ini sehingga berjaya. Selain daripada itu juga, penghargaan ini saya tujukan khas kepada ibu saya, Pn. Josephine ak Bichen. Beliau merupakan tulang belakang saya dalam menyiapkan tesis ini. Segala keperluan saya dipenuhi tanpa rungutan malahan semangat yang sentiasa mengiringi perjalanan penulisan tesis ini adalah berkat doa daripada ibu kesayangan. Orang yang turut menyumbangkan wang ringgit ialah adik saya, Elton Joe. Terima kasih adikku. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada pemberi maklumat ataupun informan saya kerana telah memberikan kerjasama dengan baik sepanjang proses menemubual. Penghargaan juga saya rakamkan kepada kawan-kawan saya, warga FGSK dan seluruh warga UNIMAS yang terlibat di dalam proses memberi maklumat dan pandangan mengenai tajuk tesis saya.

Kandungan

Bab 1

1. Tajuk.....	1
2. Pendahuluan.....	2 - 3
3. Latar Belakang Kajian.....	3
4. Hipotesis.....	3
5. Permasalahan Kajian.....	3
6. Objektif.....	4
7. Soalan Kajian.....	5
8. Lokasi Kajian.....	6 - 7
9. Kerangka Kajian.....	8 - 12
10. Kepentingan Kajian.....	13
11. Skop Kajian.....	13
12. Rumusan.....	14

Bab 2

1. Sorotan Kesusteraan.....	15 – 29
2. Rumusan.....	30

Bab 3

1. Metodologi Kajian.....	31-34
2. Rumusan.....	35

Bab 4

1. Dapatan kajian.....	36-77
2. Rumusan.....	78

Bab 5

1. Kesimpulan.....	79-82
2. Cadangan.....	83

BAB 1

PENGURUSAN TAMUI DALAM MASYARAKAT IBAN

Pendahuluan

Kajian ini berfokus kepada pengurusan tamui di Kampung Lumut, Sebangau. Tamui hanya digunakan oleh sesetengah golongan dalam masyarakat Iban dan hanya berkembang di sekitar kawasan kampung. Selain daripada itu juga, pengurusan tamui hanya berpusat dalam kelompok sesebuah keluarga . Sekiranya mereka memiliki tamui maka pengurusan akan diamanahkan oleh penduduk kampung kepada keluarga tersebut.

Tamui merupakan sebuah pondok kecil yang dibina oleh masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan animisme dan bagi yang tidak mempunyai agama yang dikenali sebagai pagan untuk membuat niat. Tamui dibina untuk merealisasikan mimpi . Menurut kepada gambaran dalam mimpi tersebut, sebuah pondok iaitu tamui harus dibina dan diletakkan gambar seorang pemimpin ataupun tokoh dalam kalangan penduduk terdahulu yang disegani. Niat yang dapat dibuat di tamui terbahagi kepada beberapa jenis. Sebagai contoh, orang yang membuat niat menginginkan kejayaan dalam hidup. Mereka akan melakukan upacara ritual di tamui sebagai tanda memohon pertolongan daripada tokoh yang memiliki tamui tersebut. Orang yang membuat niat tersebut mempercayai bahawa mereka akan mengikuti jejak langkah tokoh yang memiliki tamui tersebut. Selain daripada itu juga, masyarakat Iban percaya dengan keberkesanan tamui dalam penyembuhan penyakit.

Oleh itu, pengurusan dalam memelihara tamui akan diserahkan kepada keturunan keluarga tokoh. Menurut kajian yang telah dijalankan , keluarga tokoh masih menjaga dan membersihkan kawasan tamui memandangkan masih ada lagi yang menggunakan khidmat tamui walaupun keluarga tokoh sudah menganut agama Kristian. Selain daripada itu juga, penggunaan khidmat “*tuai rumah*” turut digunakan sebagai tanda terdapatnya seorang ketua dalam penyelarasan tugas menjaga tamui. Selain daripada itu juga , “*tuai rumah*” merupakan individu yang akan melaksanakan sistem hukuman sekiranya terdapat penduduk yang melanggar pantang-larang yang telah ditetapkan.

Latar Belakang Kajian

Tamui merupakan sebuah pondok yang dibina oleh masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan animisme dan bagi yang tidak mempunyai agama yang dikenali sebagai pagan untuk membuat niat. Tamui dibina untuk merealisasikan mimpi . Menurut kepada gambaran dalam mimpi tersebut, sebuah pondok iaitu tamui harus dibina dan diletakkan gambar seorang pemimpin ataupun tokoh dalam kalangan penduduk terdahulu yang disegani. Niat yang dapat dibuat di tamui terbahagi kepada beberapa jenis. Sebagai contoh, orang yang membuat niat menginginkan kejayaan dalam hidup. Mereka akan melakukan upacara ritual di tamui sebagai tanda memohon pertolongan daripada tokoh yang memiliki tamui tersebut. Orang yang membuat niat tersebut mempercayai bahawa mereka akan mengikuti jejak langkah tokoh yang memiliki tamui tersebut. Selain daripada itu juga, masyarakat Iban percaya dengan keberkesanan tamui dalam penyembuhan penyakit.

Pembinaan tamui melibatkan kerjasama seluruh penduduk kampung. Hal ini disebabkan oleh semua masyarakat kampung dapat menggunakan tamui untuk membuat niat sekiranya memerlukannya. Permulaan pembinaan tamui menggunakan ritual Iban yang dikenali sebagai "*semah*" iaitu penggunaan darah khinzir yang akan diletakkan di dalam lubang tempat tamui akan didirikan. Penggunaan "*semah*" dipercayai dapat menambah ketahanan struktur tamui. Setelah selesai proses mendirikan tiang, pondok akan dibina. Kemudian, "*lemambang*" akan melakukan upacara "*miring*" dengan melakukan aksi "*biau*" ayam di sekitar kawasan tamui. Penyediaan "*piring*" diperlukan dalam ritual "*miring*". "*Piring*" yang disediakan terdiri daripada beras ,telur , "*sagon*", "*letup*", "*tumpik* ", leman, pisang, garam dan sebagainya. Setelah selesai "*miring*" ,

balu kepada tokoh tersebut sekiranya masih hidup akan diarak oleh penduduk kampung di sekitar kawasan kampung. Beliau akan dipakaikan pakaian tradisonal Iban iaitu “ngepan” sebagai simbolik pembinaan tamui sudah selesai dan upacara meraikannya akan diadakan .

Hipotesis

Masyarakat Iban yang terdahulu mempunyai banyak pecahan dalam penyembahan animisme dan tamui hanya salah satu daripada pecahan tersebut . Namun, pengurusannya yang berpusat dalam segelintir masyarakat Iban hanya dipandang ringan kerana beranggapan tamui hanya sebuah tinggalan sejarah. Oleh itu, tamui harus dijaga dengan baik dan pengurusannya harus diamanahkan kepada golongan pelapis.

Permasalahan Kajian

Dalam kepercayaan iban tradisi tamui mesti dijaga dengan baik. Pengurusan tamui ataupun pondok pemujaan tidak diketahui oleh masyarakat Iban dan generasi muda.Oleh itu, sistem pengurusan yang berkaitan dengan kewangan, bayaran ganjaran melalui aktiviti ritual yang dijalankan, sistem hukuman dan hak penjagaan dalam membuat pembahagian tugas di tamui harus diperkenalkan kepada golongan pelapis.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengkaji konsep dan aturcara ritual dalam menjalankan upacara di tamui.

Seterusnya ialah mengenalpasti secara mendalam mengenai sistem pengurusan tamui dalam mengekalkan kewujudannya dalam kelompok masyarakat Iban. Sistem pengurusan ini terbahagi kepada beberapa pecahan seperti sistem ganjaran ataupun upah, hukuman, kewangan dan pembahagian tugas.

Untuk mengkaji pandangan masyarakat Iban sama ada mereka masih ingin meneruskan ritual berniat di tamui dan kerelevanan upacara tersebut dijalankan pada masa kini.

Soalan Kajian

1. Apakah tamui ?
2. Dimanakah tamui dibina ?
3. Apakah proses yang digunakan dalam pembuatan tamui ?
4. Siapakah yang terlibat di dalam pembinaan dan pengurusan tamui ?
5. Siapakah yang berhak dalam menjaga tamui?
6. Bilakah tamui akan digunakan oleh penduduk kampung ?
7. Apakah bentuk ganjaran yang perlu diberikan kepada “*manang*” setelah melakukan upacara ritual di tamui?
8. Apakah pengurusan sistem waris masih lagi berkesan dalam mengekalkan kewujudan tamui?
9. Bagaimanakah pengurusan aturcara di tamui dari segi pembahagian tenaga kerja sekiranya melibatkan jumlah penduduk yang ramai dalam aktiviti ritual tamui.

Lokasi Kajian

Kajian mengenai tamui ini dilakukan di Kampung Lumut. Kampung Lumut merupakan sebuah kampung yang terletak di dalam daerah Simunjan Sarawak. Penduduk yang mendiami kawasan ini terdiri daripada masyarakat Iban. Kampung ini terbentuk apabila berlakunya kejadian kebakaran di kampung asal penduduk yang dikenali sebagai Kampung Lidung. Setelah kejadian kebakaran tersebut, penduduk yang mendiami rumah panjang Kampung Lidung membuka penempatan baru dan dinamakan sebagai Kampung Lumut . Oleh itu, dapat dispesifikasikan bahawa penduduk mempunyai pertalian persaudaraan. Lokasi kajian ini mempunyai 2 buah tamui , namun hanya sebuah tamui yang masih dalam keadaan baik dan masih lagi digunakan.

Selain daripada itu juga, kawasan Kampung Lumut merupakan tempat tamui didirikan. Pakar-pakar mengenai sejarah pembuatan tamui juga masih mendiami kawasan ini. Melalui kajian yang telah dijalankan, pengasas pembuatan tamui juga masih hidup dan kajian dapat dijalankan berdasarkan fakta yang sahih. Pengurusan yang berpusat dalam kelompok keluarga juga dapat diketengahkan memandangkan waris tamui masih menjaga tamui. Penduduk yang masih mengamalkan kepercayaan lama ataupun pagan masih menjalankan aktiviti berniat di kawasan ini. Oleh itu, maklumat mengenai cara pengurusan dari segi upah, kewangan, tenaga kerja dapat diteliti dengan lebih mendalam.

Lokasi ini dipilih memandangkan penduduk yang mendiami kawasan ini tidak terlalu ramai dan kajian dapat dijalankan dalam kelompok yang kecil sahaja. Lokasi ini juga sedang menerima arus pemodenan seperti jalanraya, air dan elektrik. Oleh itu,

kawasan ini berpotensi untuk berkembang sendiri dalam memperkenalkan tinggalan warisan iaitu tamui melalui khidmat anak-anak muda yang mempunyai pendidikan. Hal yang dimaksudkan ialah menyampaikan maklumat melalui internet dan sebagainya.

Kerangka Kajian

Kerangka kajian merupakan bahagian yang menerangkan subjek kajian iaitu bahagian pengurusan. Oleh itu, bahagian kerangka kajian merupakan bahagian yang agak penting kerana tujuan sebenar kajian dijalankan adalah berfokus kepada subjek kajian. Kerangka kajian ini merangkumi kajian-kajian oleh pengkaji lepas mengenai bahagian pengurusan.

Cregg S., Kornberger M., & Pitsis T. (2005), *Managing and Organizations, An Introduction to Theory and Practice* , Wiltshire Great Britian , The Cromwell Press Ltd Trowbridge.(m/s 8)

Komunikasi

Menurut Cregg, Kornberger & Pitsis (2005) senjata strategi ialah dengan berkomunikasi.. Oleh itu, komunikasi merupakan salah satu cara bagi organisasi untuk menyampaikan maklumat kepada orang bawahan. Strategi ini dapat digunakan dalam pengurusan tamui. Hal ini dapat dilihat apabila berkomunikasi dimanfaatkan dalam pembahagian tugas ketika melakukan upacara di tamui.

Daft L.R., (2010), *Management*, South Eastern, USA , Cengage Learning Ltd.(m/s 5)

Perancangan ,kepimpinan,pengawalan sumber organisasi

Menurut Daft(2010) pengurusan dapat dicapai melalui perancangan, kepimpinan dan pengawalan sumber organisasi.

Perancangan ini boleh melibatkan susun atur kerja yang telah terancang rapi. Perancangan yang dibuat adalah untuk mengelak percanggahan tugas ataupun menjadi tentatif dalam mencapai matlamat. Upacara di tamui kebiasaannya melibatkan perancangan yang rapi. Segala upacara harus mempunyai urutan yang betul. Sebagai contoh, sebelum memulakan upacara penduduk diminta berkumpul. Kemudian, beberapa das tembakan akan dibunyikan ke udara. Seterusnya, aktiviti miring akan dijalankan. Susun atur ini harus dimulai dengan langkah-langkah yang betul dan sangat memerlukan perancangan yang awal.

Kepimpinan pula merujuk kepada sifat individu yang memimpin. Pemimpin yang baik akan memimpin anak buahnya dengan berjaya. Pengurusan tamui menggunakan khidmat Tuai Rumah dalam memimpin anak-anak buah nya. Pimpinan tersebut akan dijadikan sebagai suara utama dan perintah beliau akan dilaksanakan tanpa bantahan.

Seterusnya ialah pengawalan sumber organisasi. Pengawalan sumber organisasi ini adalah berkaitan dengan kewangan. Memandangkan penduduk kampung tidak mengumpul dana bagi menjalankan aktiviti di tamui. Mereka harus bijak dalam

mengawal sumber yang akan digunakan. Namun, mereka menggunakan sistem individu dimana sesiapa yang ingin menggunakan khidmat tamui harus menyediakan dana secara persendirian.

Aizzat Mohd Nasarudin, Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad (2006) *Pengantar Pengurusan* , Universiti Sains Malaysia, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.(208,209,210)

Sumber manusia

Perancangan Sumber Manusia

Menurut Aizzat , Intan , Zainal (2006) perancangan sumber manusia ialah proses menentukan dan memenuhi keperluan sumber manusia masa depan selaras dengan strategi organisasi. Ianya melibatkan perkara seperti Analisis Kerja, Deskripsi Kerja, Spesifikasi Kerja,dan perancangan yang dibuat berdasarkan permintaan dan bekalan sumber manusia.Hal ini dapat dilihat dari segi pembahagian tenaga pekerja apabila upacara ritual dijalankan di sekitar tamui. Semua penduduk akan terlibat dengan pembahagian tugas tersebut.

Pampasan

Menurut Aizzat , Intan , Zainal (2006) pampasan meliputi gaji/upah yang diberikan untuk masa kerja dan faedah-faedah lain yang diterima oleh pekerja dalam hubungan pekerjaan. Pampasan ini pula adalah berkaitan dengan sistem hukuman. Bagi sesiapa yang melanggar peraturan ataupun pemali(pantang-larang) dalam pengurusan tamui akan dikenakan hukuman.

Keselamatan

Menurut Aizzat , Intan , Zainal (2006) keselamatan adalah untuk memastikan majikan menyediakan tempat dan persekitaran kerja yang sihat dan selamat bagi pekerjanya. Namun dalam situasi pengurusan tamui ianya agak berlainan. Sebagai contoh, keselamatan individu yang menjalankan upacara ritual sangat ditekankan. Memandangkan tamui terletak di dalam kawasan kebun, kawasan tersebut harus dibersihkan terlebih dahulu sebelum digunakan.

Kepentingan Kajian

Perkara yang ingin dikaji ialah melihat sejauh mana pengetahuan generasi baru tentang peranan tamui. Selain daripada itu juga, kajian secara mendalam mengenai cara pengurusan tamui. Kajian yang dijalankan sedikit sebanyak diharap dapat membuka mata masyarakat muda agar memelihara warisan yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang mereka. Walaupun ramai di antara masyarakat Iban sudah menganuti agama Kristian namun tamui diharapkan dapat dikekalkan kewujudannya dalam kelompok masyarakat. Pendedahan dan pengetahuan sumber kajian juga dapat membantu golongan muda mendalami cara pengurusan tamui.

Skop Kajian

Perkara yang ingin dikaji adalah berkaitan dengan pengurusan tamui dalam mengekalkan kewujudannya. Melalui sistem pengurusan yang telah dibuat di tamui ternyata berlaku beberapa pecahan dalam menguruskan tamui. Antara pengurusan yang dijalankan ialah pengurusan dari segi kewangan, pembahagian tugas, hukuman, sistem ganjaran ataupun upah dan sebagainya. Selain daripada itu juga, aturcara ritual juga mempunyai pelbagai persediaan seperti persediaan sebelum, semasa dan selepas.

Rumusan Bab 1

Bab ini mengenai tajuk kajian, latar belakang kajian, hipotesis, permasalahan kajian dan sebagainya. Secara keseluruhannya, bab ini merupakan pembukaan untuk memperkenalkan kajian yang dijalankan. Sebagai contoh, latar belakang kajian menceritakan serba sedikit sejarah objek kajian dan subjek kajian.